

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 29.11.2024 MASA: 05.30PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

PROGRAM MBSP SANTUNI KOMUNTI

TARIKH / MASA / TEMPAT

**01 DISEMBER 2024 (AHAD)
11.00 PAGI**

**PADANG TAMAN MERANTI
BAGAN AJAM
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Puan Norly Mashitah Binti Mohamed Noor

Ahli Majlis MBSP Merangkap

Ketua Penyelaras Program MBSP Santuni Komuniti

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Yang Berusaha Puan Norhayati Binti Sulaiman

Pengarah Perhubungan Komuniti Merangkap Penyelaras Program MBSP

Santuni Komuniti

Yang Berusaha Puan Suzaini Binti Jusoh

Pegawai Perpaduan Daerah

Yang Berusaha Encik Muhammad Syazwan Bin Mansor

Penghulu Teluk Air Tawar

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Mohamad Anuar Bin Mohamed Youssof

Pengerusi MPKK Jalan Masjid

Yang Berusaha Encik Aidi Roslan Bin Khalim

Pengerusi KRT Taman Sungai Puyu

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

*****TAMAT*****

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama bertemu dan berkumpul pada pagi ini dalam **Program MBSP Santuni Komuniti** di Padang Taman Meranti, Bagan Ajam, Seberang Perai Utara.
2. Terlebih dahulu ucapan tahniah dan syabas kepada urusetia pengajur, Puan Norly Masitah binti Mohamed Noor, Ahli Majlis MBSP dan Jabatan Perhubungan Komuniti MBSP serta semua yang terlibat, kerana bertungkus lumus menganjurkan dan menjayakan program istimewa pada hari ni.
3. Majlis Bandaraya Seberang Perai amat komited dalam merangka strategi ke arah mewujudkan program-program komuniti dalam kalangan penduduk Seberang Perai.
4. Program MBSP Santuni Komuniti Madani pada hari ini merupakan program yang kali ketiga diadakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama Ahli Majlis Kawasan bersama penduduk setempat.
5. Tujuan program ini diadakan adalah untuk:-
 - i. memupuk semangat komuniti di kalangan penduduk setempat;

- ii. mengeratkan hubungan silaturahim antara MPKK, KRT dan MBSP; dan
 - iii. mewujudkan perpaduan kaum yang harmoni dan dapat mengeratkan silaturahim antara satu sama lain
- 6. Program ini mensasarkan penglibatan penduduk setempat seramai 500 orang. Di antara program dan aktiviti yang diadakan pada hari ini adalah:-
 - i. Pelbagai pertandingan kanak-kanak dan tradisional;
 - ii. Sesi taklimat oleh MBSP berhubung Pengasingan Sisa,
 - iii. Pameran-pameran daripada agensi kerajaan dan swasta.
 - iv. Perkhidmatan Kaunter Bergerak MBSP, dan
 - v. Saringan Kesihatan percuma, pemeriksaan mata dan jualan Minyak Masak terpakai.
- 7. Saya berharap Program MBSP Santuni Komuniti ini dapat memberikan sedikit sebanyak manfaat kepada penduduk sekitar dan para pengunjung serta mewujudkan perpaduan kaum yang harmoni dan mengeratkan silaturahim antara satu sama lain.
- 8. Syabas dan Tahniah saya ucapkan kepada pihak penganjur atas usaha yang dilaksanakan ini dan berharap agar warga Seberang

Perai akan terus menyokong program-program yang dianjurkan oleh pihak MBSP dari semasa ke semasa.

9. Dengan kata-kata itu, saya dengan lafaz **Bismillahi Rahmanir Rahim**, merasmikan **Program MBSP Santuni Komuniti** ini.

Sekian. Terima Kasih

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh